



## **GARIS PANDUAN**

### **PELAKSANAAN PROGRAM PASCASISWAZAH SECARA MODULAR**

### **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

#### **1. PENGENALAN**

- 1.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sentiasa menyokong inovasi ke arah pendidikan fleksibel termasuk dari segi kesinambungan laluan pendidikan dan pembangunan kurikulum tersedia masa hadapan.
- 1.2 Salah satu inisiatif yang dicadangkan adalah penawaran program pascasiswazah dengan struktur modular.
- 1.3 Penawaran program pascasiswazah secara modular adalah lebih menarik, berdaya saing dan fleksibel kepada individu yang mempunyai kekangan masa.
- 1.4 Penawaran program pascasiswazah secara modular juga dapat membantu pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih fokus dan berkesan melalui pembelajaran yang berterusan.
- 1.5 Fleksibiliti penawaran secara modular juga mampu menarik minat calon pelajar yang bekerja selain boleh meningkatkan enrolmen pelajar terutamanya pelajar antarabangsa.
- 1.6 Garis panduan ini bertujuan untuk menyelaras pelaksanaan program pascasiswazah secara modular di UTHM.

#### **2. PRINSIP UTAMA**

- 2.1 Setiap fakulti di UTHM dibenarkan untuk menawarkan program Sarjana dan Kedoktoran mod kerja kursus atau mod campuran secara modular.
- 2.2 Pengambilan pelajar adalah berdasarkan bilangan blok dalam satu tahun pengajian dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - a. LIMA (5) blok diperuntukkan bagi SATU (1) tahun pengajian;
  - b. DUA (2) blok diperuntukkan bagi setiap semester lazim manakala SATU (1) blok sahaja diperuntukkan bagi semester pendek;

- c. Tempoh bagi setiap blok adalah antara TUJUH (7) sehingga SEPULUH (10) minggu sahaja meliputi minggu perkuliahan dan peperiksaan;
- d. Bilangan minggu maksimum bagi setiap tahun pengajian adalah EMPAT PULUH TIGA (43) minggu sahaja;
- e. Beban pembelajaran maksimum pelajar adalah sebanyak 50 kredit bagi satu tahun pengajian; dan
- f. Pengambilan pelajar adalah terhad kepada maksimum LIMA (5) pengambilan bagi setiap tahun pengajaran.

### **3. PELAKSANAAN PROGRAM PASCASISWAZAH SECARA MODULAR**

#### **3.1 MOD PENGANTAR**

Mod pengantar yang dibenarkan untuk penawaran program pascasiswazah secara modular adalah secara konvensional, atau pembelajaran terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning*, ODL).

#### **3.2 PENDAFTARAN PELAJAR**

- 3.2.1 Pendaftaran pelajar akan berlangsung LIMA (5) hari bekerja sebelum blok bermula.
- 3.2.2 Pelajar perlu mematuhi struktur pengajian yang ditetapkan oleh fakulti. (Rujuk Lampiran 1 sebagai contoh)

#### **3.3 PENAWARAN KURSUS**

- 3.3.1 Fakulti perlu menetapkan modul-modul yang ingin ditawarkan pada setiap blok. Walau bagaimanapun, modul Metodologi Penyelidikan, Projek Sarjana, dan Projek Sarjana 1 dan 2 perlu ditawarkan pada setiap blok.
- 3.3.2 Pelajar bebas untuk mendaftar mana-mana modul yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, pendaftaran modul adalah dihadkan seperti berikut (Jadual 3.1):

**Jadual 3.1: Kredit maksimum dan minimum setiap blok mengikut kaedah pengendalian**

<b>Kaedah Pengendalian</b>	<b>Kredit maksimum/blok</b>	<b>Kredit minimum/blok</b>
Sepenuh Masa	10	6
Separuh Masa	6	3

- 3.3.3 Modul yang mempunyai pra-syarat (*pre-requisite*) tidak akan ditawarkan melainkan bagi Projek Sarjana atau Projek Sarjana 2.
- 3.3.4 Modul projek sarjana boleh ditawarkan melalui gabungan Blok 1 dan 2 atau Blok 3 dan 4 sahaja, dan pentaksiran boleh dilaksanakan pada akhir modul tersebut (Blok 2 atau Blok 4).

#### **3.4 PENGIAZAHAN PELAJAR**

- 3.4.1 Pelajar yang telah lulus setiap modul akan diberikan status Kedudukan Baik Tamat Modul (KBTM).
- 3.4.2 Setelah sijil Kedudukan Baik Tamat Modul dikeluarkan, sebarang perubahan markah tidak dibenarkan sama sekali.
- 3.4.3 Pencapaian pelajar (CGPA) akan dikira mengikut blok.
- 3.4.4 Sijil akan diberikan kepada pelajar yang lulus setiap modul.
- 3.4.5 Pelajar hanya perlu mengulang modul sekiranya tidak mencapai gred lulus modul dalam sesuatu blok.
- 3.4.6 Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah akan dianugerahkan kepada pelajar yang lulus kesemua modul yang telah diambil.

#### **3.5 PENANGGUHAN BLOK**

- 3.5.1 Pelajar akan diberikan status Tangguh Blok (TB) sekiranya permohonan Tangguh Blok diluluskan oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS).
- 3.5.2 Jumlah penangguhan blok adalah terhad kepada LAPAN (8) kali sepanjang tempoh pengajian.
- 3.5.3 Pelajar tidak dibenarkan tangguh 2 blok berturut-turut dalam semester yang sama untuk dikira sebagai pelajar berstatus aktif.
- 3.5.4 Pelajar yang aktif tidak mendaftar sebanyak 2 blok berturut-turut akan diberhentikan.
- 3.5.5 Tempoh maksimum pengajian adalah tertakluk kepada standard program.

### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

#### **4.1 Fakulti**

- a. Merekabentuk struktur program pascasiswazah secara modular (Rujuk Lampiran 1 sebagai contoh).
- b. Menguruskan penawaran kursus pascasiswazah secara modular.

#### **4.2 Pusat Teknologi Maklumat**

- a. Menambahbaik sistem sedia ada bagi tujuan penawaran program pascasiswazah secara modular.
- b. Penambahbaikan sistem audit ijazah program pascasiswazah secara modular.

#### **4.3 Pusat Pengajian Siswazah**

- a. Menyediakan kalendar akademik dan jadual kerja kemasukan serta pembelajaran dan pengajaran program pascasiswazah secara modular.
- b. Menguruskan penawaran dan pengambilan pelajar pascasiswazah secara modular.
- c. Memproses, menjana dan mencetak keputusan akademik pelajar, transkrip dan sijil.
- d. Mendaftarkan modul-modul yang ditawarkan ke dalam sistem pengurusan akademik.
- e. Menguruskan penawaran program pascasiswazah secara modular.

#### **4.4 Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik**

- a. Membangunkan garis panduan program pascasiswazah secara modular berdasarkan standard dan pekeliling semasa.
- b. Memantau dan memastikan pelaksanaan program pascasiswazah secara modular mematuhi garis panduan yang telah dibangunkan.

#### **4.5 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL**

Mengeluarkan sijil Kedudukan Baik Tamat Modul apabila pelajar lulus setiap modul.

#### **4.6 Pejabat Bendahari**

Menguruskan pembayaran yuran pelajar yang mengikuti program pascasiswazah secara modular.